

24/03/1998

## Ciri keselamatan dokumen perjalanan dipertingkatkan

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan ciri keselamatan dokumen perjalanan dengan menyertakan sistem keselamatan berasas elektronik bagi mengelakkan pemalsuan dan penyalahgunaan oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kaedah terbaru yang diperkenalkan ialah menerusi pasport berciri pintar Machine Readable Passports Imej Retrieval Identification Systems (MRP/IRIS).

Perdana Menteri berkata, pasport pintar berciri keselamatan khas itu dilengkapi cip dan data peribadi pemegang yang hanya boleh dibaca oleh mesin khas dan secara automatik akan dimuat ke dalam komputer secara elektronik.

"Pasport terbaru ini akan disertakan cip silikon bagi mengelakkan ia dipalsu dan disalahguna kerana cip elektronik berkenaan sukar dihasilkan semula. Data di dalamnya dilindungi secara digital dan sukar untuk dimusnahkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Kompleks Pintar Iris Technologies (M) Sdn Bhd dan pasport pintar Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Taman Teknologi Malaysia di sini, hari ini.

Dr Mahathir adalah orang pertama yang memiliki pasport pintar berkenaan yang diserahkan kepada beliau hari ini. Pasport pintar itu dikeluarkan menerusi kerjasama JIM, Iris Technologies dan PNBIT (M) Sdn Bhd.

Penggunaan pasport pintar itu akan diperkenalkan di 117 pintu masuk di seluruh negara. Kira-kira 350,000 unit pasport pintar dijangka dikeluarkan tahun ini.

JIM menjangka sebanyak 700,000 unit pasport pintar dikeluarkan setiap tahun bagi tempoh lima tahun akan datang. Setakat ini, tujuh juta rakyat negara ini mempunyai pasport perjalanan.

Pasport pintar itu adalah sebahagian daripada projek perkomputeran JIM yang berjumlah RM430 juta. Ia akan mula dikeluarkan di Lembah Klang mulai esok sebelum diperluaskan ke bandar lain.

Selain Malaysia, Taiwan dan Hong Kong turut berminat menggunakan teknologi pengeluaran pasport pintar berkenaan.

Malaysia adalah negara pertama memasang cip pada pasport sebagai langkah keselamatan, manakala data peribadi yang boleh dibaca oleh mesin sudah dilaksanakan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Singapura.

Dr Mahathir berkata, kos menggunakan pasport berkenaan tidak akan ditambah dan harga kekal seperti sekarang iaitu RM600 bagi 64 muka surat dan RM300 bagi 32 muka surat.

Beliau berkata, pengguna boleh mendapatkan pasport baru hanya dalam tempoh 15 minit berbanding seminggu sekarang.

(END)